


## PKPB: Peniaga diingatkan tidak naikkan harga barang

Mei 16, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**KUALA LUMPUR, 16 Mei** - Tiada kompromi terhadap peniaga yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barang sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Iskandar Halim Sulaiman, menyatakan nilai kompaun juga dinaikkan kepada maksimum RM1,000 bagi setiap kesalahan.

Sehingga semalam 420 peniaga dikompaun melibatkan pelbagai kesalahan termasuk gagal meletakkan tanda harga.

Manakala lebih 2,000 premis perniagaan seluruh negara telah dipantau sejak Rabu lalu bagi pematuhan (SOP) yang ditetapkan Kementerian Kesihatan.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/18415-pkpb-peniaga-diingatkan-tidak-naikkan-harga-barangan>